



TAUFIQ

## Adaptasi norma baharu hijrah terbaik tangani situasi pandemik: Taufiq

UB 13.08.2021 P.03

**KOTAKINABALU:** Adaptasi norma baharu dalam kalangan rakyat merupakan satu penghijrahan terbaik, dalam usaha negara memerangi penularan wabak COVID-19.

Pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan pihak berkuasa

seperti penjarakan fizikal, memakai pelitup muka, dan kerap mencuci tangan, adalah kaedah terbaik dalam mengubah kehidupan umat Islam kepada yang lebih baik.

Perkara ini dinyatakan oleh Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin dalam perutusan khas beliau sempena Sambutan Maal Hijrah 1443H dengan tema 'Manhaj Rabbani, Ummah Berkualiti' yang disiarkan di Laman Facebook Rasmi UMS.Official.

"Hijrah yang dituntut dalam diri setiap umat pada hari ini bukanlah hijrah secara fizikal tetapi adalah hijrah membuang segala sifat mazmumah dan digantikan dengan sifat mahmudah.

"Berpandukan kepada semangat dan pengertian hijrah, maka umat Islam hari ini hendaklah mengukuhkan semangat dan ketabahan hati dalam meneruskan kehidupan, dalam apa jua bidang, terutama dalam keadaan cabaran pandemik COVID-19 yang sedang melanda kini," katanya.

Taufiq berkata Hijrah boleh diertikan sebagai 'keluar' daripada sesuatu kedudukan atau keadaan yang buruk atau tertekan kepada keadaan yang

lebih selesa dan terjamin.

"Justeru, umat Islam haruslah mengutamakan unsur ikhtiar dalam kehidupan setiap hari sebagaimana penghijrahan Rasulullah SAW dari Mekah ke Madinah yang juga merupakan satu ikhtiar.

"Kita dilarang menyerah segala-galanya ke hadrat Ilahi, sebaliknya perlu berikhtiar bagi menjayakan apa juga projek atau aktiviti," katanya.

Tegas Taufiq, umat Islam juga tidak seharusnya menyalahkan takdir jika gagal, kerana berikhtiar dan mencapai kejayaan juga adalah takdir.

Sehubungan itu, beliau menyeru umat Islam agar menghayati kedatangan Maal Hijrah yang disambut setiap tahun dengan memperkuatkan perpaduan serta menggembungkan tenaga untuk menjadikan Islam sebagai cara hidup sepenuhnya.

"Tinggalkan segala perbuatan yang tidak memberikan kebaikan dan manfaat kepada kita, dan sama-sama lah kita berdoa ke hadrat Allah SWT semoga perjuangan kita akan sentiasa diberkati dan dirahmati," katanya.